



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795  
Faks : 04-702 7720  
(Bhg. Kewangan) : 04-702 7722  
(Bhg. Perbendaharaan) :  
Laman Web : ppnk.kedah.gov.my  
E-mail : pkpnk@kedah.gov.my



Ruj Kami : P.Kw.N(K)1521 Jld.  
3 (34)

Tarikh : 21 September 2022

**Semua Pegawai Pengawal**

**Jabatan Kerajaan Negeri**

YB Dato' / SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**BIL. 6 TAHUN 2022**

**Penutupan Akaun Interim Bagi Tempoh Berakhir 31 Oktober 2022**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YB Dato' / SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan, Perbendaharaan Negeri telah menetapkan Penutupan Akaun Interim Bagi Tempoh Berakhir 31 Oktober 2022. Penutupan Akaun Interim ini bertujuan membolehkan semua Jabatan / PTJ membuat semakan dan pembetulan / pelarasian semua kesilapan, menyelaraskan urusniaga yang sepatutnya diambilkira dan mengosongkan akaun yang berkaitan sebelum penutupan akhir tahun 2022.
  
3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini diedarkan **Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 6 Tahun 2022** yang mengandungi garis panduan yang perlu dipatuhi dan dijadikan panduan oleh pihak YB Dato' / SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YB Dato' / SS Dato' Paduka / YAA Dato' / YBhg Dato' / Tuan / Puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M), CPA(M))**

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman



## **PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL. 6 TAHUN 2022**

Semua Pegawai Pengawal / Pegawai Perakaunan / Pegawai Pemungut  
Jabatan Kerajaan Negeri

### **PENUTUPAN AKAUN INTERIM BAGI TEMPOH BERAKHIR**

**31 OKTOBER 2022**

#### **1. TUJUAN**

- 1.1 Penutupan interim akaun kerajaan Negeri pada akhir bulan Oktober 2022 bertujuan membolehkan semua Jabatan / PTJ membuat semakan dan pembetulan / pelarasan semua kesilapan, mengakaunkan urusniaga yang sepatutnya diambilkira dan mengosongkan akaun yang berkaitan sebelum penutupan akhir tahun 2022.
- 1.2 Memastikan pertanggungan sebelum bulan Oktober dijelaskan serta pertanggungan tahun-tahun sebelum yang memerlukan kelulusan khas di bawah AP 58 diselesaikan sepenuhnya sebelum penutupan akhir tahun.
- 1.3 Memastikan kesemua pungutan hasil sehingga bulan Oktober 2022 diperakaunkan dengan sempurna sebelum penutupan akhir tahun.

- 1.4 Mengurangkan bayaran di bawah AP 58(a) yang melibatkan pertanggungan selain dari bulan Disember 2022 yang seringkali diberi teguran oleh pihak audit.
- 1.5 Memastikan semua pemerhatian audit tahun sebelumnya telah diambil tindakan dan diselesaikan dalam penyata kewangan tahun semasa (sekiranya ada).
- 1.6 Memastikan kesemua aset-aset yang dibeli dalam tahun kewangan 2022 didaftar dengan lengkap dan teratur.

## **2. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

- 2.1 Ketua Jabatan hendaklah memastikan peraturan penutupan interim ini dipatuhi dan mengambil tindakan yang sewajarnya seperti di Para 3, 4 dan 5.

## **3. PENGURUSAN BAYARAN**

### **3.1 Bil**

- 3.1.1 Jabatan / PTJ hendaklah membuat semakan ke atas daftar bil dan memastikan kesemua bil-bil yang diterima dalam tempoh Januari sehingga 25 Oktober 2022 dijelaskan selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2022.
- 3.1.2 Bagi bil yang diterima selepas 25 Oktober 2022 hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari manakala bil yang diterima dalam bulan Disember hendaklah dibuat bayaran sebelum penutupan akaun akhir tahun 2022 berdasarkan pekeliling penutupan.

3.1.3 Sekiranya Jabatan / PTJ masih belum menerima bil yang perlu dibuat bayaran, pihak Jabatan / PTJ **hendaklah menghubungi** pembekal / pihak penerima bayaran dengan segera. Ini bagi mengelakkan bayaran di bawah AP 58(a).

### **3.2 Pesanan Tempatan / Inden Kerja**

3.2.1 Jabatan / PTJ perlulah memastikan semua Pesanan Tempatan dan Inden Kerja bagi bekalan / perkhidmatan / kerja yang telah disempurnakan sebelum 25 Oktober 2022 diselesaikan dengan kadar segera dalam tempoh 14 hari selaras dengan AP 103.

3.2.2 Bagi bil yang diterima selepas 25 Oktober 2022 hendaklah dijelaskan dalam tempoh 14 hari manakala bil yang diterima dalam bulan Disember hendaklah dibuat bayaran sebelum penutupan akaun akhir tahun 2022 berdasarkan pekeliling penutupan.

3.2.3 Sekiranya didapati Jabatan / PTJ masih belum menerima bil yang perlu dibuat bayaran, pihak Jabatan / PTJ **hendaklah menghubungi** pembekal / pihak penerima bayaran dengan segera. Ini bagi mengelakkan bayaran di bawah AP 58(a).

### **3.3 Pendahuluan dan Tuntutan**

#### **3.3.1 Pendahuluan Pelbagai**

Jabatan / PTJ perlulah memastikan semua pendahuluan yang telah selesai program sebelum 16 Oktober 2022 dibuat pelarasan selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2022.

### **3.3.2 Tuntutan Elaun Perjalanan dan Elaun Kerja Lebih Masa**

Jabatan / PTJ hendaklah menjelaskan kesemua Tuntutan Elaun Perjalanan dan Elaun Kerja Lebih Masa bagi bulan September 2022 sebelum 31 Oktober 2022.

## **4. PENGURUSAN KUTIPAN**

Adalah diingatkan bahawa semua Jabatan / PTJ perlu memastikan semua terimaan yang telah di '*bank-in*' diperakaunkan dengan segera. Penyediaan penyata pemungut yang lewat menyebabkan terimaan dan hasil terkurang nyata di dalam penyata kewangan dan boleh memberi kesan terhadap kedudukan kewangan negeri.

### **4.1 Resit Terimaan**

Jabatan / PTJ hendaklah memastikan semua resit terimaan yang telah **dikunci masuk** sehingga 31 Oktober 2022 ke dalam Sistem iSPEKS **dijana penyata pemungut** selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2022 jam 3.00 petang. Sekiranya terdapat resit terimaan yang perlu dibatalkan, tindakan pembatalan hendaklah dibuat sebelum atau pada 31 Oktober 2022.

### **4.2 Kemaskini Nombor Slip Bank**

Jabatan / PTJ perlulah memastikan semua Penyata Pemungut Auto yang telah dibankkan dikemaskini nombor slip bank selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2022 pada jam 5.00 petang

### **4.3 Penyata Pemungut Manual**

Jabatan / PTJ perlulah memastikan semua Penyata Pemungut Manual bagi pungutan sehingga 31 Oktober 2022 dikunci masuk, disemak dan

diluluskan selewat-lewatnya pada 31 Oktober 2022 pada jam 5.00 petang. Sekiranya kutipan dibankkan melalui Perkhidmatan Sekuriti, Penyata Pemungut hendaklah dikunci masuk, disemak dan diluluskan selewat-lewatnya pada 03 November 2022.

## 5. BAYARAN AP 58(a)

- 5.1 Semua Jabatan / PTJ hendaklah memastikan kesemua bayaran-bayaran bagi tahun-tahun lalu yang masih belum dijelaskan diambil tindakan segera selaras dengan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Bil. 3 Tahun 2022**. Sekiranya peruntukan tidak mencukupi permohonan pindah peruntukan melalui kelulusan khas PKN hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
- 5.2 Bagi bayaran tahun semasa Jabatan / PTJ juga diingatkan supaya mengambil tindakan selaras dengan **Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kedah Bil. 3 Tahun 2022** bagi mengelakkan bayaran di bawah AP 58(a) tahun 2023.

## 6. ASET

Jabatan / PTJ hendaklah memastikan semua aset yang dibeli dalam tahun 2022 didaftarkan dengan sempurna melalui Modul Pengurusan Aset (AIM) di Sistem iSPEKS.

## **7. PENUTUP**

Jabatan / PTJ adalah dikehendaki mematuhi semua yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini. Sekiranya terdapat sebarang kemosykilan, sila berhubung dengan Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman bagi memastikan Penutupan Interim Akaun Tahun Kewangan 2022 berjalan dengan lancar dan sempurna.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M), CPA(M))**

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

s.k      YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

Pengarah Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Kedah

Ketua Unit Audit Dalam, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah